

Lelaki mengaku curi pembersih vakum dipenjara 12 bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap seorang lelaki berusia 33 tahun yang mengaku bersalah mencuri sebuah pembersih vakum yang dianggarkan bernilai RM1,000.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Ridzuwan Aris yang didakwa di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan kali kedua atau seterusnya, pesalah boleh dihukum dengan penjara, denda atau sebatan.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Homelands Garden, Jalan Stephen Yong di sini pada 14 Ogos lalu, sekitar jam 2 pagi.

Berdasarkan fakta kes,

pemilik rumah menyedari seorang lelaki tidak dikenali, yang kemudiannya dikenal pasti sebagai Mohamad Ridzuwan, memasuki kawasan rumahnya dan mencuri sebuah pembersih vakum berwarna hitam dan hijau.

Pemilik rumah itu kemudian membuat laporan polis untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Polis berjaya mengesan pembersih vakum yang dipasang alat pengesan sistem kedudukan global (GPS) itu di semak berhampiran sebuah rumah di Kampung Lidah Tanah, Jalan Batu Kitang pada 14 Ogos.

Bertindak atas maklumat itu, polis kemudian menahan Mohamad Ridzuwan di kawasan tanah perkuburan Islam Kampung Lidah Tanah pada jam 11.56 pagi hari yang sama.

Kes dikendalikan oleh seorang pegawai pendakwa manakala Mohamad Ridzuwan tidak diwakili peguam.



SEKSYEN 379 K
TARIKH: 14/08/25

PENGESANAN: Alat pengesan GPS berbentuk bulat kecil berwarna hitam yang dipasang pada bekas habuk pembersih vakum.